

IKLAN JAWATAN KOSONG

YAYASAN CANSELOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Kami memerlukan **Warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi** untuk berkhidmat di Yayasan Canselor UKM bagi jawatan seperti berikut :

1. PEGAWAI TADBIR N41

PEGAWAI TADBIR N41

Klasifikasi Perkhidmatan

| | | |
|---------------|---|----------------------------------------------------------------------------|
| Kumpulan | : | Pengurusan dan Profesional |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Kekosongan | : | 1 |
| Jadual Gaji | : | Minimum (RM2,080.00 – RM9,546.00) |
| Elaun | : | Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Bantuan Sara Hidup |

Deskripsi tugas

- i. Merancang, mengurus, dan memantau hal-ehwal berkaitan dengan tajaan, sumbangan serta biasiswa. Tugas termasuk mengurus dan melaksanakan mesyuarat di peringkat unit, memastikan minit mesyuarat dicatat untuk tujuan semakan dan merangka garis panduan/polisi/dasar berkaitan dengan tanggungjawab Yayasan Canselor.
- ii. Merancang dan melaksanakan aktiviti carian tajaan, sumbangan serta biasiswa dalam meningkatkan aktiviti pendanaan Universiti.
- iii. Menyediakan kertas kerja, membangunkan strategi jaringan alumni dan industri bagi mendapatkan dana baharu. Kreatif dan inovatif dalam mencari dana sumbangan daripada pihak luar sama ada individu atau syarikat. Berpengalaman dalam menguruskan akaun pelanggan serta pembangunan jaringan industri.
- iv. Menyediakan laporan berkala aktiviti pencarian dana tajaan/projek yang dilaksanakan. Menyelaras serta memantau pengurusan kewangan aktiviti pencarian dana tajaan/projek. Menyediakan strategi pembangunan pendanaan dan penjanaan, pelan tindakan dan pengoperasian dan lain-lain aspek pengurusan pencarian dana tajaan/projek.
- v. Bertanggungjawab dalam memberi khidmat rundingan/nasihat kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) UKM dalam perihal pencarian punca dan pengurusan dana.

Syarat Lantikan

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya DAN
- iv. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan adalah diberi kepada calon yang;

- i. Mempunyai pengalaman dalam bidang pembangunan perniagaan, pemasaran atau yang berkaitan dengan tugas sekurang kurangnya 5 tahun
- ii. Berperwatakan menarik dan boleh berkomunikasi dengan baik.
- iii. Fasih Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (bertutur dan menulis).

Cara memohon

Calon yang berminat boleh mengemukakan Curriculum Vitae (CV) berserta borang permohonan jawatan yang lengkap ke alamat seperti berikut :

**YAYASAN CANSELOR
ARAS 4, BANGUNAN CANSELORI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(U.P: PN. SURIANI SHUHATDI)**

Tarikh tutup permohonan : 17 MEI 2021 (ISNIN)

Panggilan Temuduga

- i. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.
- ii. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.